



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Situasi Semasa Denggi

1. Situasi Denggi bagi tempoh Januari sehingga 21 Disember 2013, sebanyak 41,226 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 92% atau 19,782 kes berbanding 21,444 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Terdapat dua belas (12) negeri yang menunjukkan peningkatan kes denggi pada tahun 2013 berbanding 2012 iaitu Melaka meningkat sebanyak 229%, Johor (191%), Selangor (152%), Negeri Sembilan (100%), Perak (42%), WP Labuan (40%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (39%), Pulau Pinang (31%), Perlis (30%), Kelantan (14%), Pahang (12%) dan Sabah (9%). Hanya tiga (3) negeri yang menunjukkan penurunan iaitu Terengganu (21%), Sarawak (13%) dan Kedah (1%).
2. Bagi kematian Denggi pula, sebanyak 88 kematian dilaporkan dengan peningkatan sebanyak 151% berbanding 35 kematian pada tempoh yang sama tahun 2012. Semua negeri ada melaporkan kematian kecuali Terengganu dan WP Labuan. Negeri yang melaporkan kematian tertinggi adalah Selangor dengan 24 kematian, Johor (21 kematian), Melaka (9 kematian), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (8 kematian), Pulau Pinang (7 kematian), masing-masing 4 kematian di Perak, Sarawak dan Sabah, masing-masing 2 kematian di Kelantan dan Pahang, manakala masing-masing 1 kematian di Perlis, Kedah dan Negeri Sembilan.

3. Kalau dilihat tren mingguan kes denggi yang dilaporkan sejak 2002, terdapat *cyclic pattern* setiap 2 - 3 tahun iaitu negara mengalami wabak denggi yang tinggi pada tahun 2002, 2004, 2007, 2009, 2010 dan kini 2013. Malah pada tahun ini juga negara serantau di *Western Pacific Region* turut mengalami fenomena yang sama di mana sehingga 11 Disember 2013, negara Singapura telah merekodkan peningkatan kes denggi sebanyak 490%, begitu juga dengan Laos PDR mencatatkan peningkatan sebanyak 480%, manakala New Caledonia 2,600% dan Australia 10%.

Peranan Komuniti

4. Dengan situasi denggi di negara sekarang ini, pihak Kementerian Kesihatan amat berharap agar semua komuniti sentiasa peka dengan keadaan wabak denggi di tempat masing-masing. Peranan komuniti yang paling utama adalah untuk melakukan aktiviti cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan *Aedes (source reduction)* disekitar kediaman dan kejiranan masing-masing. Samada ianya dilaksanakan secara isirumah atau bersama komuniti setempat. Malah hanya luangkan masa hanya 10 minit seminggu sahaja, cari dan musnahkan tempat pembiakan *Aedes*. Sekiranya ini dapat diamalkan oleh semua komuniti, pasti ianya membantu dalam megawal peingkatan kes demam denggi.
5. Didalam situasi wabak seperti sekarang ini, adalah mustahak untuk melindungi diri anda dari digigit oleh nyamuk. Perkara pertama adalah mengetahui masa gigitan nyamuk *Aedes*. Nyamuk *Aedes* mengigit sepanjang hari, namun masa yang ia paling aktif mengigit adalah pada awal pagi dan lewat petang. Oleh itu apabila anda berada diluar rumah, hendaklah memakai pakaian yang berwarna terang dan berlengan

panjang. Penggunaan penghalau nyamuk (*repellent*) adalah digalakkan. Selain itu, tidur menggunakan kelambu juga merupakan salah satu cara untuk melindungi diri dari digigit nyamuk.

6. Amalan menggunakan semburan racun serangga di dalam rumah pada waktu lewat petang adalah suatu perkara yang digalakkan. Nyamuk *Aedes* selalunya bersembunyi di bawah meja, kerusi serta katil dan semburan racun serangga ke tempat-tempat ini amat membantu. Semburan residu racun serangga tertentu juga boleh digunakan kerana memberi kesan yang lebih lama dan dapat mengawal nyamuk *Aedes*.
7. Selain daripada itu, elakkan diri dari berada ditempat yang terdapat banyak nyamuk. Sekiranya anda berada dikawasan di mana akan mendapat gigitan nyamuk, adalah dinasihatkan agar anda menggunakan penghalau nyamuk (*repellent*) atau tinggalkan tempat tersebut. Sekiranya anda mendapat gigitan nyamuk lebih dari dua gigitan dalam masa setengan jam, ianya boleh dianggap bahawa kawasan tersebut mempunyai densiti nyamuk yang tinggi.
8. Pastikan juga anda mengenali nyamuk *Aedes*. Ianya sangat mudah di mana ciri utama nyamuk *Aedes* adalah mempunyai belang hitam dan putih pada seluruh badan dan kaki. Sekiranya anda digigit oleh nyamuk *Aedes* bila-bila masa sahaja pun, anda adalah berisiko untuk mendapat jangkitan demam denggi terutamanya jika terdapat kes demam denggi dikawasan anda.

Berikut Adalah Tindakan Yang Telah Diambil Oleh Kementerian Kesihatan

9. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang akan dilancarkan oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan pada 5 Januari 2014 di Selangor. Program ini merupakan kempen gotong royong yang akan dijalankan secara menyeluruh di semua negeri dan daerah dalam tempoh sebulan. Kempen ini akan dijalankan secara bersepadu antara Kerajaan Negeri, Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Pengamal Media agensi lain serta isi rumah.
10. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” bermula pada 8 Julai 2013 iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan mengambil tindakan penguatkuasaan serta undang-undang terhadap pemilik premis yang membiak Aedes. Operasi ini dijalankan pada setiap bulan oleh anggota penguatkuasa dari KKM dan juga Pihak Berkuasa Tempatan terutama di kawasan wabak denggi. Pemilik premis yang didapati membiak nyamuk Aedes di premis mereka akan dikenakan kompaun maksimum RM500 dan untuk kesalahan berulang tindakan mahkamah akan diambil terhadap pemilik premis.
11. Bermula 5 April 2013, Kementerian Kesihatan telah melantik tiga orang selebriti terkenal tanahair sebagai ikon kesihatan iaitu Mohamad Asyraf (imam muda), G. Uthayakumar (penyampai radio) dan Soo Wincci (penyanyi), yang mempromosi dan menyampaikan mesej tentang penyakit Demam Denggi kepada orang ramai. Tujuan aktiviti ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai pencegahan dan bahayanya denggi dengan kaedah lebih inovatif dan terkini.

12. Menambah bilangan projek COMBI (Communication for Behavioral Impact) dan memberi latihan kepada semua sukarelawan COMBI dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi. Ini bertujuan agar mereka menjadi penerak kepada masyarakat setempat, untuk menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di komuniti masing-masing. Sehingga September 2013, terdapat 2,668 projek COMBI telah dilaksanakan di lokaliti wabak denggi melibatkan 53,360 sukarelawan di seluruh negara .

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh : 27 Disember 2013